



**GARISPANDUAN PENGURUSAN LESEN TRAK BERGERAK  
(TRAK MAKANAN, BARANGAN DAN PERKHIDMATAN)  
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG TAHUN 2020**

1. Tujuan :

Garis panduan trak bergerak (trak makanan, barangan dan perkhidmatan) ini disediakan bertujuan untuk memudahcara serta memberi panduan kepada Majlis dalam mengeluarkan lesen trak bergerak bagi tujuan perniagaan di kawasan pulau.

2. Latarbelakang

2.1. Perniagaan trak bergerak menjadi tren di bandar-bandar utama di dunia selaras dengan perubahan masa dan gaya hidup masyarakat yang memerlukan perkhidmatan yang mudah dan bersih.

2.2. Akibat dari perubahan gaya hidup ini, kaedah pelaksanaan perniagaan konvensional kurang mendapat sambutan sehingga menjadikan premis perniagaan kurang dikunjungi oleh masyarakat.

2.3. Kaedah perniagaan trak bergerak ini didapati lebih mudah, santai dan cepat dalam menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat moden.

3. Skop dan Punca kuasa

Kelulusan yang diberikan ke atas Lesen Trak Bergerak ini adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang, dasar-dasar dan garis panduan berikut:-

- 3.1 Akta Kerajaan Tempatan 1976
- 3.2 Akta Perancang Bandar dan Desa 1976
- 3.3 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974
- 3.4 Undang-Undang Kecil Penjaja 1979
- 3.5 Undang-Undang Kecil (Tred, Perniagaan dan Perindustrian) MPPP 1991
- 3.6 Undang-Undang Kecil (Establisymen Makanan) MPPP 1991
- 3.7 Undang-Undang Kecil (Pengendalian Makanan) MPPP 1983
- 3.8 Undang-Undang Kecil (Iklan) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 2000
- 3.9 Perintah Pengangkutan Jalan (Tempat Letak Kereta) MPPP 2014
- 3.10 Undang-Undang Kecil (Taman) MPPP 1993
- 3.11 Undang-Undang Kecil (Kebersihan dan Keselamatan Awam) MPPP 1990
- 3.12 Dasar Pengasingan Sisa Dipunca

#### 4. Definisi Trak Bergerak dan Pihak Berkuasa Melesen

##### 4.1. Trak Bergerak

Apa-apa kenderaan yang dipandu sendiri (*food truck/pickup*) ditunda (*caravan* dan *moving cart*) yang digunakan untuk tujuan perniagaan makanan, barangan atau perkhidmatan dan mendapat kebenaran majlis.

##### 4.2. Pihak Berkuasa Melesen

Pegawai Pelesenan adalah pegawai majlis yang diberikan kuasa oleh Datuk Bandar untuk mengeluarkan lesen perniagaan trak bergerak.

##### 4.3. Makanan

Sebarang jenis makanan dan minuman yang diluluskan oleh majlis dan mesti disediakan di atas trak.

Menjual makanan sejuk beku atau *pre packaged food* atau makanan yang dipanaskan atau makanan yang disediakan secara berpusat di *central kitchen*.

Memastikan makanan dijual dalam keadaan bersih dan selamat untuk dimakan.

Jualan minuman jenis beralkohol walaupun secara sampingan adalah tidak dibenarkan

##### 4.4. Barangan dan Perkhidmatan

Perniagaan trak barangan dan perkhidmatan ialah kenderaan berjenis trak/bas/treler/van/lori yang dipandu sendiri untuk digunakan bagi tujuan perniagaan barangan atau perkhidmatan yang mendapat kebenaran majlis.

Barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan mesti mendapat kelulusan majlis dari aspek perniagaan berisiko dan tidak berisiko.

Aktiviti/transaksi perniagaan barangan dan perkhidmatan ditawarkan mesti dijalankan diatas trak sahaja.

#### 5. Perancangan Tapak Perniagaan Trak Bergerak

5.1 Kriteria penetapan lokasi aktiviti adalah seperti berikut:-

5.1.1 Petak letak kereta sediada yang dikhaskan bagi kegunaan sebagai tapak perniagaan trak bergerak tertakluk kepada kelulusan;

5.1.2 Tidak menimbulkan kacau ganggu semasa perniagaan dijalankan;

- 5.1.3 Lokasi yang mudah diakses oleh orang awam;
- 5.1.4 Perniagaan yang hendak dijalankan di dalam kawasan perumahan berstrata, pejabat-pejabat kerajaan dan persendirian, pemohon perlu mendapatkan kebenaran secara bertulis dari pihak berkenaan sebelum permohonan dikemukakan kepada majlis;
- 5.1.5 Tidak mengganggu aliran trafik dan lalu lintas;
- 5.1.6 Majlis berhak menambah, mengurangkan, membatalkan permohonan yang telah diluluskan sekiranya kehendak dan syarat majlis tidak dipatuhi.

5.2 Kawasan larangan perniagaan trak bergerak adalah seperti berikut:-

- 5.2.1 Berada dalam lingkungan 40 meter dari kawasan sekolah.
- 5.2.2 Berada dalam lingkungan 15 meter dari simpang jalan yang utama dan lampu isyarat.
- 5.2.3 Berdekatan dengan utiliti awam seperti pili Bomba, telefon awam/lain-lain.
- 5.2.4 Kawasan kemudahan OKU(Petak Letak Kenderaan OKU dan lain lain)

## 6. Permohonan Lesen/Permit Trak Bergerak (Makanan, Barangan dan Perkhidmatan)

### 6.1. Kategori Pemohon

- 6.1.1 Individu / Perniagaan Perkongsian (Sdn. Bhd/Berhad)/ Pertubuhan Bukan Kerajaan/Persatuan.

### 6.2 Lokasi Permohonan

6.2.1 Lokasi yang diluluskan oleh MBPP; atau

6.2.2 Lokasi yang telah dibenarkan bagi aktiviti trak bergerak seperti berikut:

Bil	Lokasi	Waktu	Tapak
1	TPS Lorong Kulit	6.00 ptg-12.00 malam	30
2	Jalan Ibbetson / Jalan Air Itam	6.00 ptg-12.00 malam	10
3	Tapak Penjaja di atas Lot 340, Jalan Sungai Nipah 4, Balik Pulau	4.00 ptg-10.00 malam	3
4	Hadapan Taman Permainan Padang Kota Lama berhadapan Lebuh Duke	7.00 ptg-12.00 malam	5
5	Penghujung jalan Bukit Gambir selepas pintu masuk USM	7.00 petang-12.00 malam	5
6	Tapak Penjaja Taman Sri Sayang, Jalan Balik Pulau	4.00 petang-10.0 malam	3

7	Atas tapak parkir di hadapan Honda, Jalan Sungai Pinang	7.00 petang-12.00 malam	5
8	Jalan Khidmat Jalan Mayang Pasir	11.00 pagi-3.00 petang 6.00 petang-12.00 malam	5
9	Jalan Kg. Jawa, Bayan Baru	11.00 pagi- 3.00 petang 6.00 petang-12.00 malam	10
10	Tapak Penjaja Jalan Lembah Permai	9.00 pagi – 12.00 tgh 3.00 petang-10.00 malam	12

### 6.3 Kategori Lesen/Permit/

- 6.3.1 Makanan - Menjual makanan yang diluluskan sahaja;
- 6.3.2 Minuman - Menjual minuman yang diluluskan sahaja;
- 6.3.3 Makanan dan Minuman - Menjual makanan dan minuman yang diluluskan sahaja.
- 6.3.4 Barangan-Menjual barangan yang diluluskan sahaja.
- 6.3.5 Perkhidmatan-Menyediakan perkhidmatan yang diluluskan sahaja.

### 6.4 Dokumen yang diperlukan semasa mengemukakan permohonan adalah seperti berikut:-

- 6.4.1 Borang permohonan lesen perniagaan trak bergerak.
- 6.4.2 Pendaftaran perniagaan.
- 6.4.3 Salinan mykad (Kad Pengenalan Malaysia).
- 6.4.4 Keterangan ringkas konsep perniagaan.
- 6.4.5 Pelan lokasi yang dimohon (maksimum 3 lokasi bagi satu permohonan)
- 6.4.6 Dokumen suntikan antitifoid.
- 6.4.7 Sijil Menghadiri Kursus Latihan Pengendalian Makanan yang diiktiraf (jika ada)
- 6.4.8 Sijil Halal dari JAKIM (Jika berkaitan)
- 6.4.9 Surat hak Milik Kenderaan  
(Kemukakan surat kebenaran jika Surat Hak Milik Kenderaan atas nama orang lain)
- 6.4.10 Sijil kelulusan PUSPAKOM yang masih sah tempoh.

- 6.4.11 Salinan pelan badan kenderaan yang telah diluluskan oleh JPJ.
- 6.4.12 Maklumat pemandu trak bergerak sekiranya lain dari pemohon.
- 6.4.13 Senarai nama dan bilangan pekerja (jika berkaitan)
- 6.4.14 Laporan Pemeriksaan Kesihatan Pekerja.

## 7. Syarat-Syarat Lesen/Permit Trak Bergerak

- 7.1.1 Lesen/Permit dikeluarkan oleh majlis berdasarkan kepada satu lesen bagi satu kenderaan bagi satu jenis perniagaan. Tambahan jenis perniagaan adalah tertakluk kepada kelulusan majlis.
- 7.1.2 Lesen/permit yang telah dikeluarkan oleh Majlis adalah mengikut lokasi perniagaan yang telah diluluskan .
- 7.1.3 Perniagaan hendaklah dijalankan oleh pemegang lesen/permit sendiri.
- 7.1.4 Pajak kecil(sublet) adalah tidak dibenarkan.
- 7.1.5 Tidak dibenarkan mendirikan apa-apa struktur kekal/kanopi di tapak perniagaan kecuali dengan kebenaran Majlis.
- 7.1.6 Pemegang lesen/permit hendaklah sentiasa mempamerkan permit yang boleh dilihat dengan jelas oleh pegawai majlis dan pelanggan.
- 7.1.7 Setiap perubahan pelan perniagaan hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada majlis dan akan dikenakan fi pemrosesan.
- 7.1.8 Kelulusan hanyalah untuk kenderaan yang didaftarkan sahaja dan tidak boleh dipindah milik untuk kenderaan lain.
- 7.1.9 Permohonan permit hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum permit tamat beserta dengan surat pemeriksaan PUSPAKOM yang masih sah semasa pembaharuan.
- 7.1.10 Peniaga WAJIB mematuhi garispanduan yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri dan Majlis melalui pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca, No Plastic Bag dan menggunakan pembungkus makanan biodegradasi. Penggunaan polisterin adalah dilarang.
- 7.1.11 Pemohon digalakkan mengambil bahagian dalam projek kitar semula MBPP dengan memberi input/data kitar semula secara berkala (2 kali setahun)
- 7.1.12 Lesen/Permit hanya diberikan kepada warganegara Malaysia dan keutamaan akan diberikan kepada yang bermaustatin tetap di negeri

Pulau Pinang sahaja.

- 7.1.13 Pembantu/pekerja wargasing adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- 7.1.14 Pemasangan kerusi dan meja untuk pelanggan adalah tidak dibenarkan sama sekali kecuali dengan kebenaran Majlis diatas tanah persendirian sahaja;
- 7.1.15 Peniaga hendaklah memastikan kawasan perniagaan sentiasa bersih dan bebas dari sampah.
- 7.1.16 Peniaga hendaklah memastikan kawasan perniagaan tidak mengganggu lalulintas hingga menimbulkan kacauganggu.
- 7.1.17 Majlis tidak bertanggungjawab ke atas sebarang bentuk kemalangan/kecederaan/kecurian yang berlaku semasa aktiviti perniagaan dijalankan.
- 7.1.18 Peniaga perlu mematuhi peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan dan garis panduan sediaada. Majlis berhak untuk membatalkan lesen/permit sekiranya pemegang lesen melakukan apa-apa kesalahan dan pelanggaran syarat.
- 7.1.19 Setiap trak bergerak harus menyediakan insurans tanggungan awam (Minimum RM100,000.00 dan tertakluk pada jenis insurans).
- 7.1.20 Pemohon yang telah diluluskan lesen/permit hendaklah menandatangani perjanjian akujanji pematuhan syarat dengan majlis.

## 8. Pemantauan dan Penguatkuasaan

Pegawai majlis yang diberi kuasa boleh mengambil tindakan penguatkuasaan sekiranya terdapat pelanggaran syarat kelulusan.

## 9. Kadar Bayaran Fi Trak Bergerak ( Makanan, Minuman, Barang Am dan Perkhidmatan)

Bil	Kategori	Kadar
9.1	Permit bulanan [maksimum 3 lokasi]	RM450.00 sebulan
9.2	Permit Tapak Karnival/ Pesta	RM 50.00 sehari / per tapak
9.3	Tempat Letak Kereta	Perlu mendapat kelulusan dari Jabatan Perbendaharaan MBPP terlebih dahulu.
9.4	Caj sampah i) Trak Makanan ii)Trak Barangan & Perkhidmatan	RM11.00 sehari/per tapak RM5.50 sehari/per tapak

- 10. Setiap pengusaha bertanggungjawab memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi dan mendapat kelulusan dari agensi berkaitan.

- (a) Spesifikasi kenderaan trak bergerak mengikut spesifikasi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)/Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)/PUSPAKOM.
  - (b) Setiap perubahan reka bentuk dan operasi kenderaan perlulah mendapat kelulusan dari JPJ/SPAD/PUSPAKOM.
  - (c) Penyelenggaraan kenderaan hendaklah dilakukan dengan baik dari segi kebersihan dan keselamatan dan menjalankan pemeriksaan berjadual dengan PUSPAKOM.
11. Waktu Operasi - Waktu operasi bagi perniagaan trak bergerak adalah dari jam 7.00 pagi hingga 12.00 tengah malam [termasuk semasa penganjuran pesta/karnival dan lain-lain lokasi].
  12. Waktu operasi bagi lokasi diatas petak letak kereta yang dibenarkan adalah mulai jam 7.00 petang sehingga 12.00 malam sahaja.
  13. Kebersihan - Mematuhi peraturan dan syarat-syarat pengurusan kebersihan dan Undang-Undang Kecil yang dikuatkuasakan oleh majlis.
  14. Membuat kawalan serangga makhluk perosak dalam kawasan kenderaan yang digunakan.
  15. Pengurusan Sampah - Mengamalkan pelaksanaan pengasing sisa di punca sepertimana yang disyaratkan oleh majlis.
  16. Pengurusan Sampah - Tidak dibenarkan membiarkan sampah di tempat perniagaan semasa dan selepas perniagaan.
  17. Pencemaran - Pemegang lesen perlu mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) yang mengandungi peraturan mengenai pencemaran bunyi, air dan udara.
  18. Akta 171 Kacau ganggu - Majlis boleh mengambil langkah untuk memberhentikan, memusnah dan menghapuskan segala kacau ganggu di kawasan yang dibenarkan.
  19. Iklan - Pemegang lesen hendaklah mematuhi kehendak dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh majlis dalam urusan berkaitan iklan.
  20. Semua iklan yang dipamerkan hendaklah mendapatkan kelulusan dari majlis.

#### Tarikh Kuatkuasa

Tarikh kuatkuasa garis panduan ini adalah berkuatkuasa selepas pengesahan Mesyuarat Biasa Majlis.

Disediakan oleh:-

Urusetia  
Bahagian Pelesenan  
Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Tarikh : 24 Jun 2020